



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

**MAJLIS PERASMIAN
KAMPUS UTAMA
&
PENYERAHAN STATUS AUTONOMI
SERTA
PERTUKARAN MEMORANDUM
DENGAN RAKAN INDUSTRI**

**OLEH
PERDANA MENTERI MALAYSIA
YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK**

- 29 November 2015 (Ahad) • 3.00 Petang
- Universiti Malaysia Pahang, Pekan





Seluruh Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP)
mengucapkan

Selamat Datang

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Sri Rosmah Mansor
ke Kampus UMP Pekan.



Kata Alu-aluan

Salam Sehati Sejiwa.

Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Kampus Utama Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Penyerahan Status Autonomi serta Pertukaran Dokumen dengan Rakan Industri, satu detik yang amat bersejarah lagi bermakna dalam konteks kewujudan UMP sebagai salah satu daripada 20 Universiti Awam di negara ini.

Melewati 13 tahun usia penubuhannya, universiti ini telah bertransformasi dalam dinamisme arus perdana pendidikan tinggi Malaysia, bermula dengan status asalnya sebagai Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang, seterusnya sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia dan akhirnya sebagai Universiti Malaysia Pahang sejak 1 Februari 2007. Dinamisme ini adalah bukti kesungguhan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi dalam membina daya saing UMP sebagai sebuah universiti teknikal yang berteraskan kejuruteraan, sains dan teknologi untuk muncul sebagai sebuah institusi berprestasi tinggi.

Ibarat sebutir permata yang bersinar di hujung muara Sungai Pahang, UMP adalah mercu tanda pembangunan pendidikan di Malaysia dan Negeri Pahang Darul Makmur amnya serta di Daerah Pekan khususnya. Sebagai sebuah gedung ilmu pengetahuan, UMP telah turut berperanan dalam pembangunan sosioekonomi setempat, sekaligus membolehkan masyarakat menikmati manfaat daripada kewujudannya. Menjelang fasa perkembangan strategiknya untuk tahun 2016 hingga 2020, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan UMP untuk terus mengambil kira semua aspek dan faktor kritikal yang bersifat dalaman, tempatan, nasional dan global dalam menentukan hala tuju kecemerlangannya dalam kerangka status autonomi yang telah dipersetujui untuk universiti ini.

Dalam hubungan ini, tentu sekali UMP perlu terus berkolaborasi dengan rakan-rakan yang berpotensi besar dalam kalangan institusi pengajian tinggi dan industri sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Dengan aras prestasi semasanya, saya percaya UMP mampu mengupayakan ekosistem kecemerlangan yang lestari dalam konteks governan, sumber manusia, kewangan dan akademik.

Sempena detik bersejarah ini, saya turut berkongsi rasa sukacita yang setinggi-tingginya bersama seluruh warga kerja dan mahasiswa UMP. Sebagai Ahli Parlimen Pekan, saya juga telah menyaksikan kemajuan pembangunan Universiti ini dalam pelbagai kapasiti – Menteri Pendidikan, Menteri Pertahanan, Timbalan Perdana Menteri dan kini, Perdana Menteri Malaysia. Memandang ke hadapan, apa yang diaspirasikan oleh UMP selepas ini, iaitu menjadi sebuah universiti gemilang pada tahun 2020 mampu direalisasikan berkat permuafakatan semua pihak, dan Kerajaan Malaysia sentiasa komited bagi maksud tersebut.

Tahniah UMP!

Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

MAJLIS PERASMIAN KAMPUS UTAMA & PENYERAHAN STATUS AUTONOMI SERTA PERTUKARAN MEMORANDUM DENGAN RAKAN INDUSTRI OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK

29 November 2015 (Ahad)
3.00 Petang
UMP Pekan

2.30 petang	:	Ketibaan Mahasiswa, Staf dan Masyarakat Setempat
2.45 petang	:	Ketibaan Pengurusan Tertinggi Universiti
3.00 petang	:	Ketibaan Naib Canselor UMP Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
3.10 petang	:	Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Yang Hormat Dato' Sri Mohd. Hilmey Mohd. Taib
3.15 petang	:	Ketibaan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr Zaini Ujang
3.20 petang	:	Ketibaan Menteri Pendidikan Tinggi Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh
3.25 petang	:	Ketibaan Menteri Besar Pahang Yang Amat Berhormat Dato' Sri' Diraja Haji Adnan Haji Yaakob
3.30 petang	:	Ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak dan Isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Sri Rosmah Mansor
	:	Bacaan Doa
	:	Ucapan Alu-aluan Naib Canselor UMP Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
	:	Ucapan Perasmian oleh Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
	:	Pelancaran Kampus Utama UMP Pekan
	:	Penyerahan Status Autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi
	:	Majlis Pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara UMP dengan Rakan Industri
	:	Program Bantuan Awal Perniagaan Peserta Empower ECER Mahkota
	:	Lawatan ke <i>Innovation@UMP Showcase</i>
	:	Jamuan/Minum Petang
5.00 petang	:	Bersurai




Pembangunan UMP Pekan

Berkat kegigihan usaha dan inisiatif pihak pengurusan tertinggi Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim pembinaan Fasa 1 Kampus UMP Pekan berjaya dilaksanakan. Bermula pada 27 Julai 2009, Kampus UMP di Kuala Pahang, Pekan mula beroperasi dengan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) serta asrama yang menempatkan 648 orang pelajar. Manakala Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pula beroperasi pada Februari 2012. UMP Pekan terletak empat kilometer dari Kuala Pahang, tujuh kilometer dari bandar Pekan dan kira-kira 40 kilometer ke selatan bandar Kuantan. Kampus seluas 642 ekar ini dapat menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf. Kewujudan Kampus Pekan ini mengubah landskap sosioekonomi iaitu dari segi penambahan penduduk, pertumbuhan perniagaan, dan peluang pekerjaan.

Pembinaan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) yang merupakan nadi terhadap pembangunan UMP Pekan telah bermula pada 6 Julai 2012 dan beroperasi pada 2 November 2015. Projek ini menelan kos sebanyak RM 53 juta. Keluasan lantai adalah 10,520 persegi dan menempatkan beberapa jabatan seperti Jabatan Canseleri, Jabatan Hal Akademik & Antarabangsa (JHEAA), Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Jabatan Pendaftar, dan Jabatan Bendahari. Pembinaan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) dan Dewan Kuliah Utama pula bermula pada 6 Julai 2012 dan beroperasi pada 16 November 2015. Projek ini menelan kos sebanyak RM 70 juta. Keluasan lantai projek ini adalah 16,348 meter persegi.



Kompleks Pentadbiran Utama



Permandangan tasik yang indah lagi mendamaikan berlatar belakang Kompleks Pentadbiran Utama, Perpustakaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK).



Kementerian Pendidikan Tinggi

dengan sukacitanya memberi

Autonomi

kepada

Universiti Malaysia Pahang (UMP)

tertakluk kepada skop dan sempadan di dalam
Dokumen Butiran Autonomi




YB DATO' SERI IDRIS JUSOH
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
TARIKH BERKUATKUASA:
11 OGOS 2015

UMP memperoleh Status Autonomi

UMP kini memperoleh status Autonomi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 11 Ogos 2015 dalam melaksanakan empat bidang utama iaitu Tadbir Urus Institusi, Tadbir Urus Kewangan, Tadbir Urus Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik dengan menggunakan Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) dan Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan tujuan membolehkan universiti bergerak dengan berkesan mencapai agenda kecemerlangan. LPU juga merupakan prasyarat penting untuk mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing berteraskan integriti dan akauntabiliti yang tinggi dan perlu dipatuhi oleh pihak pentadbiran universiti.



evolva

UMP Bekerjasama dengan Evolva SA, Syarikat dari Switzerland

Evolva SA merupakan sebuah syarikat dari Switzerland yang membangunkan kaedah fermentasi bagi menghasilkan produk semula jadi secara sintetik. Kerjasama antara Evolva SA iaitu industri bertaraf dunia dengan UMP bertujuan untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan (CoE) untuk produk semula jadi daripada Malaysia. Produk semula jadi itu merupakan sebahagian daripada kelompok perisa dan pewangi di negeri Pahang. Kerjasama ini telah bermula pada Jun 2015. CoE yang sedang dibangunkan dengan sokongan oleh Malaysian Biotechnology Corporation, di bawah Program Transformasi Bioekonomi Malaysia akan memberi tumpuan kepada pembangunan sebatian semula jadi.



Pembangunan Projek Inkubator Gelatin halal MARA-UMP

UMP bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) membangunkan Projek Inkubator Gelatin Halal yang pertama di negara ini. Projek inkubator ini akan menjadi pusat pengeluaran dan penghasilan gelatin halal untuk pengkomersialan sektor makanan dan farmaseutikal. Projek bernilai RM 20 juta ini dijangka dapat memanfaatkan penduduk tempatan terutamanya dalam bidang pekerjaan selain meningkatkan bilangan usahawan di negeri Pahang.



UMP jalin kerjasama dengan Cosway (M) Sdn. Bhd., anak syarikat Berjaya Group

UMP dan Cosway menjalinkan kerjasama penilaian ke atas teknologi dan produk terpilih. Cosway adalah anak syarikat Kumpulan Berjaya, konglomerat multinasional yang terkenal dengan cabang-cabang perniagaan yang strategik. Cosway memulakan operasi dengan konsep pengedaran produk berkualiti tinggi dengan harga yang kompetitif melalui sistem Pemasaran Jaringan dan merupakan Syarikat Pemasaran Jaringan terbesar di Asia. Dalam kerjasama ini, teknologi dan produk yang bernilai tinggi yang dihasilkan akan diserapkan ke dalam portfolio produk Cosway. Kerjasama ini diharap mampu menjadi pembuka jalan bagi memastikan pengkomersialan teknologi UMP seiring dengan permintaan pasaran dan membantu memperkukuhkan portfolio produk Cosway.



UMP dan Yayasan Sabah Group bekerjasama dalam bidang akademik untuk anak Sabah

Yayasan Sabah Group melalui cabang akademik iaitu Kolej Yayasan Sabah dan Kolej Universiti Yayasan Sabah menjalinkan kerjasama dengan UMP dalam bidang akademik, khusus untuk anak Sabah. Kerjasama ini termasuklah menubuhkan Pusat Asasi yang menawarkan program asasi agar pelajar dapat disalurkan ke program ijazah UMP terutamanya ke Program Kerjasama Jerman dalam Ijazah Perniagaan Kejuruteraan, Ijazah Kejuruteraan Mekatronik dan Ijazah Kejuruteraan Automotif serta program ijazah yang bersesuaian. Yayasan Sabah Group berhasrat untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar Sabah yang layak bagi mengikuti program tersebut.



UMP Melalui Kerjasama BiotechCorp Tawar Program MBA Bioekonomi Secara Luar Kampus

Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) merupakan sebuah agensi Kerajaan Malaysia yang diselia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menggalakkan dan menyokong pembangunan sektor bioteknologi di Malaysia dari segi penyelidikan dan pengkomersialan melalui bantuan kewangan, pembangunan dan kemudahan. BiotechCorp dan UMP akan bekerjasama dalam melaksanakan penawaran program *Master of Business Administration (MBA) (Bioeconomy)* bagi memenuhi keperluan pekerja industri yang akan dijalankan di premis BiotechCorp di Menara Atlan, Kuala Lumpur. UMP Advanced Education (UAE) bertindak sebagai pelaksana program bagi pihak UMP dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Industri (FIM). Pengambilan pertama program ini adalah pada kemasukan Februari 2016.



Jalinan Kerjasama Strategik UMP dan SEDIA Corporation

Kerjasama strategik antara UMP dan SEDIA Corporation memfokuskan dalam pemindahan teknologi, teknologi pemprosesan makanan, penyelidikan berteraskan bioteknologi dan pembangunan inkubator. UMP akan membantu pihak SEDIA dalam memindahkan ilmu pengetahuan dan teknologi yang sedia ada dalam membangunkan projek Halal Gelatin dan persetujuan dimeterai untuk bersama-sama menerokai peluang yang ada terutama dalam penyelidikan bio-teknologi selain bersama-sama melahirkan usahawan berjaya melalui penubuhan inkubator.



Jalinan kerjasama antara UMP – JKR

Kerjasama antara UMP dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah untuk membangunkan bidang *Building Information Modelling (BIM)* bermula hujung tahun 2010 melalui *Industrialised Building System: Mechanisation Through Building Information Modelling* yang dianjurkan bersama UMP melalui Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dan Construction Research Institute of Malaysia (CREAM). Kerjasama pembangunan ini meliputi bidang akademik, penyelidikan dan perundingan untuk BIM.



Ranhill

UMP dan Ranhill bekerjasama dalam projek *Water Reclamation Treatment (WRT)*

Ranhill Utilities Sdn. Bhd. (Ranhill) menyediakan perkhidmatan kejuruteraan pelbagai disiplin kepada industri minyak dan gas, kejuruteraan dan penyampaian projek, pemilikan aset, dan operasi yang berkuasa dan air utiliti. Kerjasama antara Ranhill dan UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) bertujuan bagi meneroka dan mencari peluang kerjasama khususnya dalam menyediakan perkhidmatan bekalan air, mengendalikan air dan rawatan air menggunakan sisa tumbuh-tumbuhan.



UMP dan IRSB bekerjasama membangunkan pembuatan racun serangga

PISOPTERA merupakan produk mesra alam untuk racun anai-anai dan merupakan hasil penyelidikan UMP. Produk ini dikomersialkan melalui anak syarikat UMP iaitu UMP Ecopest Sdn. Bhd. Dalam kerjasama ini, IMASPRO Resources Sdn. Bhd. (IRSB) dan UMP akan bekerjasama meneroka projek-projek baharu dan peluang membangunkan bidang pembuatan racun serangga dengan menggunakan teknologi yang dibangunkan UMP serta sumber imidacloprid yang dihasilkan oleh IRSB.



JOHOR CORPORATION

UMP dan Johor Corporation Berhad (JCorp) bekerjasama dalam pengkomersialan produk keratin dan *Dialclean*

UMP dan Johor Corporation Berhad (JCorp) bekerjasama dalam pengkomersialan produk keratin dan *Dialclean* yang dibangunkan UMP. Keratin merupakan produk UMP melalui projek penyelidikan dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli. Keunikan produk ini ialah ia dihasilkan dari sel penghasilan keratin dengan menggunakan bulu ayam. *Dialclean* pula merupakan produk UMP dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Produk ini merupakan inovasi penghasilan produk tempatan yang boleh digunakan untuk membersihkan membran dialisis yang digunakan oleh pesakit buah pinggang dan diguna semula berulang kali. Kerjasama ini adalah dari segi penubuhan syarikat usaha sama bagi mengkomersialkan kedua-dua produk tersebut.



UMP dan Gaya Naturals Sdn. Bhd., salah satu pengeluar utama minyak nilam di dunia bekerjasama dalam pembangunan Projek Industri Nilam di Taman Bioaromatik Negeri Pahang

Gaya Naturals Sdn. Bhd., syarikat dari Sabah merupakan salah satu dari pengeluar utama minyak nilam di dunia, akan bekerjasama dengan UMP melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam membantu UMP untuk membangunkan Projek Industri Nilam di Taman Bioaromatik Negeri Pahang. Kini, UMP sedang membangunkan Taman Bioaromatik Negeri Pahang seluas 180 ekar di Maran bagi menjalankan penyelidikan berkaitan tumbuhan herba aromatik secara sistematik dan komprehensif, serta memajukan teknologi berasaskan herba dan produk semula jadi di negeri Pahang.

**empower**Program Pembangunan
Modal Insan ECER

Program Bantuan Peralatan Permulaan (*Business Start-up Support*)

Program *empower* ECER Mahkota memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan taraf hidup penduduk ECER selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berpendapatan tinggi. Program ini merangkumi program Latihan Akademik serta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan yang dikendalikan menerusi UMP Advanced Education (UAE) menggunakan kepakaran tenaga pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) di samping tenaga pakar luar.

Dalam usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara masyarakat luar bandar dengan masyarakat bandar, Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan untuk orang dewasa telah dilaksanakan sejak tahun 2012 kepada masyarakat setempat agar ilmu yang diperolehi dapat digunakan bagi meningkatkan pendapatan penduduk tempatan.

Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Kursus Jahitan;
2. Kursus Pendawaian Elektrik;
3. Kursus Dandan & Spa Rambut;
4. Kursus Penjagaan Selepas Bersalin;
5. Kursus Kulinari (Masakan 1 Malaysia);
6. Kursus Tatarias Kecantikan (Rawatan Muka, Badan & Solekan);
7. Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH); dan
8. *Enhancement & Entrepreneurship Development Programme*

Bagi membantu peserta Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan untuk menjadi usahawan, Bantuan Peralatan Permulaan (*Business Start-up Support*) diperkenalkan untuk membantu peserta di peringkat awal bagi memula dan memajukan perniagaan mereka.

Antara kriteria pemilihan bagi Bantuan Peralatan Permulaan (*Business Start-up Support*) adalah seperti komitmen peserta sepanjang latihan, potensi produk seriat perniagaan dan jumlah anggaran peningkatan pendapatan hasil daripada bantuan peralatan tersebut.

Berdasarkan kriteria pemilihan yang ditetapkan, seramai sepuluh orang peserta *empower* ECER Mahkota yang berpotensi telah terpilih untuk menerima bantuan peralatan berjumlah RM1,500 bagi memulakan perniagaan mereka.



Polisi Persekitaran Hijau

Merupakan cadangan *Green Campus Blueprint* yang diperkenalkan di bawah inisiatif penjimatan elektrik, *Key Result Area 2*, Kelestarian Kewangan, Pelan Strategik UMP 2011-2015. *Green Campus Blueprint* ini terbahagi kepada tiga kelompok inisiatif utama iaitu; tanpa kos (*no cost*), kos rendah (*low cost measure*) dan kos tinggi (*high cost measure*).

Di antara program yang dijalankan adalah:

- Program *Big Cleaning Day* Peringkat UMP (2013)
- Kempen Hari Tanpa Plastik
- Syarahan Umum *Eco Challenges and Opportunities for Modern Society*
- Program Gaya Hidup Sihat
- Pusat Kitar Semula dan Kompos UMP

Inisiatif Penghijauan Kampus

Penghijauan kampus merupakan inisiatif yang diberi perhatian khusus UMP selari dengan dasar Kerajaan Malaysia yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan amalan mesra alam dan aplikasi teknologi hijau di negara ini. Penyeretaan UMP dalam penarafan UI *Green Metric* bermula tahun 2015, juga menjadi penggerak kepada inisiatif penghijauan dan pengumpulan data bagi semua aktiviti dan inisiatif penghijauan kampus. Antara inisiatif penghijauan kampus yang dijalankan adalah:

Projek Penghutan Kampus Bersama FRIM (2013). Menerusi projek ini, pokok Akasia ditanam sebagai agen penyubur tanah sebelum pokok-pokok besar ditanam di UMP Kampus Pekan. Inisiatif penghutan ini melibatkan beberapa fasa penanaman yang keseluruhannya akan melibatkan sebanyak 16 ribu batang pokok daripada pelbagai jenis.

Projek Bangunan Kontena Mesra Alam. Projek ini menggunakan bahan-bahan terpakai dan mesra alam. Dalam projek terkini, modul asas bangunan adalah diperbuat daripada kontena terpakai yang telah diubah suai dan ditambah baik.

Program Larian Eco-Run Expoconvo (2014) dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat betapa penting menjaga kesihatan dan alam sekitar. Dalam program ini, sebanyak 55 anak pokok dari jenis yang sama ditanam sebelum peserta meneruskan dengan acara larian sejauh lima kilometer mengelilingi kampus.

Pameran Inovasi dan Teknologi Hijau 2014 bertujuan memupuk budaya idea kreatif dalam kalangan komuniti bagi menghasilkan produk berteraskan penjimatan dan mesra alam. Antara produk berinovasi yang menyertai pameran ini termasuklah *Smart Green Watering System*, *Eco-Air Purifier*, *2R Cutting Waste*, dan *Eco-Rain Design of Harvesting Rainwater*.

Kemudahan laluan basikal ini disediakan di UMP Kampus Pekan. Laluan ini disediakan untuk menggalakkan penggunaan basikal di dalam kawasan kampus oleh warga UMP terutama bagi pergerakan yang singkat.

Sistem Pengurusan Air Sumber Alternatif. Pengurusan sumber air alternatif seperti air hujan, air bawah tanah dan air sisa terawat telah lama menjadi fokus penyelidikan di Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM). Penyelidikan berterusan yang dijalankan oleh CERRM bagi menambah baik sistem pengurusan dan rawatan air telah membawa kepada penemuan baharu.

Program Penanaman Seribu Anak Pokok Rhu (2014), bertujuan memupuk kesedaran dalam memelihara alam sekitar.

Zon Tumbuhan Nadir



Penghijauan UMP Pekan dan Kampus Gambang

Pembangunan Penghijauan UMP dibahagikan kepada tujuh zon utama iaitu:

1. Zon Landskap
2. Zon Penyelidikan
3. Zon *Man-made Wetland*
4. Zon Kawasan Dusun
5. Zon Tumbuhan Nadir
6. Zon Taman Bioaromatik
7. Zon Hutan Semula Jadi

Dengan pembangunan tersebut, UMP baharu mencapai tahap pembangunan sebanyak 20% secara keseluruhan.



UMP memperkenalkan MyGift sebagai saluran sumbangan endowmen universiti

UMP memperkenalkan program MyGift sebagai satu usaha mengumpul sumbangan daripada mana-mana pihak bagi menyalurkan sumbangan endowmen bagi tujuan tajaan pelajaran, penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar mahupun membudayakan semangat membantu bagi golongan yang memerlukan. Sembilan jenis endowmen atau tabung yang dilaksanakan adalah endowmen Kursi, Biasiswa Pelajar, Tabung Makmal/Kemudahan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti dan Tabung Tidak Patuh Syariah.

Program MyGift ini diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumni serta pihak luar terutamanya daripada industri mahupun syarikat untuk sama-sama menyumbang kepada tabung endowmen. UMP mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu serta badan-badan korporat sama ada di dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan.



Program Jejak Asnaf UMP membantu menyalurkan sumbangan barangan harian dan kelengkapan rumah buat keluarga mahasiswa UMP yang serba kekurangan.



UMP kekalkan tradisi sedia juadah berbuka puasa percuma dalam talam hasil sumbangan Tabung Ramadan UMP.



Bantuan kepada pelajar miskin daripada Etiqa.

Jawatankuasa Induk

PENAUNG

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

PENGERUSI

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yusserrie Zainuddin

TIMBALAN PENGERUSI

En. Abd Rahman Haji Safie

SETIAUSAHA

En. Saiful Bahri Ahmad Bakarim

BENDAHARI

Pn. Norliza Arshad

JAWATANKUASA:

JEMPUTAN, SAMBUTAN DAN PENGINAPAN

En. Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman
Encik Mohd Nazri Samsudin

LOGISTIK

Encik Marzuki Mokhtar
Encik Wallid Wahidi Hamzah
Encik Izwan Ismail
Encik Mohd Sukri Ismail

LANDSKAP

Dr. Murad Abd Ghani

PROMOSI DAN PUBLISITI

Pn. Mimi Rabita Abd Wahit
Pn. Nor Salwana Haji Mohammad Idris

JAMUAN/ MAKANAN

Pn. Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan

TEKS UCAPAN

En. Nazrul Helmy Wan Mohd Zain

PENERBITAN

Pn. Safriza Haji Baharuddin
En. Noor Azhar Abd Rasid

VIDEOGRAFI DAN FOTOGRAFI

En. Azman Md Diah
En. Mohd Rizal Ismail

PENGACARA MAJLIS

En. Anuar Abdul Aziz
Pn. Nor Asyikin Basharuiddin

KESELAMATAN

En. Zahari Muda
En. Mohamad Najib Haji Saat
En. Shahrin Nizam Abdul Rahman

MoU, MoA DAN PAMERAN

Datin Fazia Ali
Pn. Nor Ilma Mustafa Kamal
Pn. Laili Zulkepli

KESIHATAN

Dr. Khairul Salleh Abdul Basit

TEKNIKAL DAN ICT

En. Roslan Awang Abdul Rahman
En. Arif Ariffin
En. Faizul Azley Abd Muain

PENYERAHAN STATUS AUTONOMI

En. Wan Azlee Haji Wan Abdullah

TUGAS-TUGAS KHAS


En. Asri Haji Zainudin

SEKRETARIAT

En. Mohd Jamil Mohd Ja'afar
En. Darolhisam Darus



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



Sekalung Budi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan segala sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.